



Malaysia sekali lagi mengatasi jangkaan pasaran apabila kadar pertumbuhan KDNK negara bagi suku ke-2 2019 naik ke 4.9% semasa ekonomi dunia mengalami kelembapan pertumbuhan

SIARAN MEDIA MENTERI KEWANGAN MALAYSIA YB TUAN LIM GUAN ENG

MALAYSIA SEKALI LAGI MENGATASI JANGKAAN PASARAN APABILA KADAR PERTUMBUHAN KDNK NEGARA BAGI SUKU KE-2 2019 NAIK KE 4.9% SEMASA EKONOMI DUNIA MENGALAMI KELEMBAPAN PERTUMBUHAN

Malaysia sekali lagi mengatasi jangkaan pasaran apabila kadar pertumbuhan KDNK negara bagi suku ke-2 2019 naik ke 4.9% tahun-ke-tahun, daripada 4.5% pada suku sebelumnya. Pertumbuhan KDNK setinggi 4.9% ini mengatasi konsensus pasaran serendah 4.7% seperti yang dikumpulkan oleh Bloomberg.

Pertumbuhan yang lebih pesat berbanding jangkaan menunjukkan daya tahan Malaysia semasa persekitaran ekonomi dunia kelihatan muram. Kadar pertumbuhan yang menggalakkan ini juga menggambarkan keberkesanan pembaharuan institusi yang dibawa Kerajaan di bawah pimpinan YAB Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Lebih-lebih lagi apabila diambil kira bahawa beberapa rakan dagang utama Malaysia sedang mengalami kelembapan pertumbuhan yang disebabkan oleh beberapa faktor, termasuk perang perdagangan antara Amerika Syarikat dan China. Tambahan lagi, Malaysia adalah antara sekumpulan kecil negara di rantau ini yang menikmati pertumbuhan suku ke-2 yang lebih pantas berbanding suku pertama.

Permintaan domestik yang kukuh

Pertumbuhan KDNK bagi suku ke-2 disokong oleh pengukuhan permintaan domestik yang berkembang sebanyak 4.6% tahun-ke-tahun, iaitu pertumbuhan yang lebih pesat berbanding kadar 4.4% yang dicatatkan pada suku pertama 2019.

Statistik bagi nilai jualan borong dan runcit menunjukkan permintaan domestik yang kukuh, di mana nilai jualan bagi bulan Jun 2019 telah meningkat 5.9% kepada RM112.3 bilion dalam harga semasa, daripada RM106.3 bilion setahun lalu.

Akaun semasa dalam keadaan lebihan

Pada masa yang sama, Malaysia mencatatkan lebihan akaun semasa sebanyak 3.9% berbanding pendapatan negara kasar atau gross national income (GNI).

Lebih akaun semasa yang selesa dan kadar pertukaran mata wang ringgit yang fleksibel membantu melindungi pertumbuhan ekonomi daripada cabaran luaran.

Langkah berjaga-jaga menghadapi kelembapan ekonomi dunia

Walaupun ekonomi Malaysia masih berkembang pesat, pihak Kerajaan sentiasa berjaga-jaga tentang permintaan dunia yang sedang melemah serta kesannya terhadap ekonomi tempatan. Pada bulan Julai, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah memotong unjuran pertumbuhan KDNK dunia kepada 3.2% daripada 3.3%. Pada awal tahun ini, IMF telah mengunjurkan ekonomi dunia untuk berkembang sebanyak 3.5%. Kelembapan pertumbuhan ini disebabkan oleh ketegangan perdagangan. Bank Dunia pula menganggarkan KDNK Malaysia akan berkembang sebanyak 4.6% untuk tahun 2019.

Pertumbuhan KDNK yang pesat berserta dengan konsolidasi kos dan transparensi fiskal yang dijalankan oleh Kerajaan adalah antara faktor yang meyakinkan agensi penarafan kredit antarabangsa untuk mengekalkan taraf kredit Kerajaan yang tinggi pada A- atau A3. Pada 18 Julai 2019, Fitch Ratings mengesahkan taraf kredit Kerajaan pada A- dengan prospek stabil. S&P Global Ratings telah mengambil langkah yang sama pada 3 Julai 2019.

Walaupun pertumbuhan ekonomi Malaysia masih menggalakkan, Kerajaan sentiasa berwaspada akan risiko berkaitan dengan perang perdagangan yang berlarutan dan memburuk antara Amerika Syarikat dan China. Malaysia terus fokus untuk membangunkan ekonomi secara mampan, dan Kerajaan bersedia melakukan langkah-langkah perbelanjaan kontigensi untuk menangani kesan buruk yang timbul akibat daripada perang perdagangan tersebut, jika perlu. Kejayaan Kerajaan dalam menguruskan kewangannya dengan baik melalui pembaharuan fiskal telah memberikan Malaysia ruang untuk bertindak dengan sewajarnya.

Sayangi Malaysiaku!

Lim Guan Eng
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
Putrajaya

17 Ogos 2019

.....